

**Kajian *Takhrij* Hadith Pascasiswazah di Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Jamielatun Nur Raihan Jamani<sup>1</sup> & Fadlan Mohd Othman<sup>2</sup>

Email: <sup>1</sup>[raihanjamani@yahoo.com](mailto:raihanjamani@yahoo.com) & <sup>2</sup>[fadlan@ukm.edu.my](mailto:fadlan@ukm.edu.my)

<sup>1</sup>Calon Sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2</sup>Pensyarah kanan di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

**Abstrak**

Sepanjang tempoh penubuhan UKM, banyak penyelidikan telah dihasilkan meliputi pelbagai bidang kajian. Begitu juga kajian dalam bidang hadith khususnya *takhrij* hadith. *Takhrij* Hadith dikenali sebagai ilmu untuk mengesahkan kesahihan sesebuah hadith. Kajian tinjauan dilakukan terhadap kajian *takhrij* hadith pascasiswazah Fakulti Pengajian Islam, UKM meliputi disertasi Sarjana dan tesis Doktor Falsafah. Fokus penulisan ini adalah mengkaji setiap kajian *takhrij* hadith dari tiga aspek iaitu jenis kajian *takhrij* hadith, bidang kajian serta fokus perbincangan kajian *takhrij* hadith. Kajian menggunakan metodologi kualitatif iaitu analisis dokumen. Pada tahun 2000 hingga 2015, sebanyak 45 penyelidikan *takhrij* hadith telah dihasilkan. Tinjauan yang dilakukan menunjukkan wujud sumbangan baru dalam kajian *takhrij* hadith sebagai usaha ke arah pemantapan dan pemurnian hadith-hadith Nabi s.a.w. Di samping itu, dapat melihat sejauhmana perkembangan ilmu *takhrij* hadith dalam aspek penyelidikan di peringkat Ijazah Tinggi.

**Kata Kunci:** *Takhrij* hadith, hadith, tafsir, akidah, fikah.

**Abstract**

During the establishment of UKM, thousands of research was produced in the various field of study. Similarly, a study in hadith which is *takhrij* hadith. *Takhrij* Hadith known as a science to verify the authenticity of hadith. A survey has been done to the research of *takhrij* hadith produced by postgraduate of Faculty of Islamic Studies, UKM including Masters dissertation and Ph.D. theses. The focus of writing is to review each of *takhrij* hadith research in three aspects which are the type of *takhrij* hadith research, the field of study and the focus of discussion in the study. This research using a qualitative method which is analysis of documents. In year of 2000 to 2015, 45 types of research of *takhrij* hadith were produced. A survey shows new contributions in the study of *takhrij* hadith as efforts towards strengthening and purification of the Prophet's s.a.w. hadith. In addition, a survey wants to define how far the development of *takhrij* hadith at postgraduate level.

**Keywords:** *Takhrij* hadith, Hadith, tafsir, aqedah, *fiqh*.

**1. Pengenalan**

*Takhrij* hadith merupakan salah satu cabang ilmu yang terdapat dalam aspek pengajian hadith secara menyeluruh. *Takhrij* hadith berperanan sebagai kaedah untuk mengenal pasti kesahan sesebuah hadith dengan melakukan penilaian terhadap *matan* dan *sanad* hadith. Di beberapa Institusi Pengajian Tinggi, *takhrij* hadith telah ditawarkan sebagai satu subjek kursus kepada mahasiswa pengajian islam sama ada di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah.

Berdasarkan sorotan literatur kajian Muhammed Suffian (2014) mengenai pengaplikasian *takhrij* hadith dalam penulisan latihan ilmiah prasiswazah di UKM. Beliau telah meneliti usaha para ulama terdahulu melakukan kajian *takhrij* hadith-hadith dalam kitab mereka sehingga menghasilkan kitab *takhrij* yang baharu. Ianya meliputi dalam bidang hadith, bidang tafsir, bidang bibliografi dan kitab-kitab masyhur.

Manakala berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap penghasilan kajian pelajar UKM, beliau telah mengkelaskan kajian tersebut kepada dua jenis karya iaitu karya amali *takhrij* dan kajian aplikasi *takhrij*. Beliau telah membuat sorotan literatur terhadap beberapa buah kajian terpilih yang memberi signifikan terhadap kajian sarjana beliau. Di samping membuat sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu, beliau telah mengelaskannya mengikut jenis karya serta menghuraikan metodologi karya-karya tersebut.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengambil pendekatan analisis dokumen dalam pengumpulan data. Pengumpulan data dilakukan dengan mendapatkan data senarai kajian *takhrij* hadith meliputi disertasi Sarjana dan tesis Doktor Falsafah pada tahun 2000 hingga 2015. Dapatkan data ini diperolehi melalui sistem Virtua Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) iaitu Gemilang UKM. Hasil analisis dan penelitian, kajian ini akan mengkelaskan semua disertasi dan tesis kajian *takhrij* hadith tersebut berdasarkan jenis kajian *takhrij* hadith yang dilakukan oleh pelajar FPI UKM iaitu kajian amali *takhrij* dan kajian aplikasi *takhrij* (Muhammed Suffian 2014).

## 3. Perbincangan

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berdiri megah selama lebih 40 tahun di persada pendidikan seiring dengan penubuhan Fakulti Pengajian Islam (FPI). Universiti ini telah mengorak langkah dari tahun ke tahun sehinggalah diangkat menjadi *Research University*. Selama lebih 40 tahun penubuhannya, telah banyak sumbangan dan karya-karya yang dihasilkan para graduan dan pensyarah demi memastabatkan penulisan akademik dan meningkatkan penghasilan kajian yang berkualiti. Ribuan kajian yang telah dihasilkan mempunyai keistimewaan dan pendekatan yang tersendiri. Disiplin ilmu *Takhrij* Hadith juga antara ilmu yang menjadi pilihan sebagai subjek kajian.

Tinjauan telah dilakukan terhadap kajian *takhrij* hadith yang telah dihasilkan oleh graduan Sarjana dan Doktor Falsafah bermula tahun 2000 hingga 2015. Pencarian kajian *takhrij* hadith ini dilakukan melalui sistem Virtua Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), UKM iaitu Gemilang UKM dengan membuat carian berdasarkan frasa ‘*Takhrij* Hadith’, ‘Analisis Hadith’, ‘Pengumpulan dan *Takhrij*’ serta ‘Kajian Kualiti Hadith’. Berikut merupakan perincian jumlah penghasilan disertasi dan tesis pascasiswazah FPI UKM dalam tempoh 15 tahun.

Jadual 1: Kajian *Takhrij* Hadith di FPI UKM Tahun 2000 Hingga 2015

Kajian	Disertasi	Tesis	Jumlah
Bilangan	34	11	45
Peratusan	76%	24%	100%

Sumber: Virtua Gemilang Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), UKM

Jadual 1 menunjukkan bilangan disertasi dan tesis yang telah dihasilkan oleh para graduan siswazah Fakulti Pengajian Islam UKM pada tahun 2000-2015. Dalam tempoh 15 tahun, jumlah keseluruhan penghasilan kajian *takhrij* hadith ialah 45 buah. Di peringkat Sarjana, sebanyak 34 disertasi (76%) telah dihasilkan. Manakala di peringkat Doktor Falsafah, sebanyak 11 tesis (24%) telah dihasilkan. Penghasilan 34 disertasi Sarjana dan 11 tesis Doktor Falsafah penyelidikan berkaitan *takhrij* hadith ini mengikut tahun yang dinyatakan adalah terdiri daripada pelbagai skop perbincangan.

Jadual 2: Taburan Bilangan Kajian *Takhrij* Hadith Mengikut Tahun

Tahun	00	01	02	03	04	05	06	08	09	10	11	12	13	14	15
Disertasi	1	2	3	2	4	2	2	1	1	1	2	3	1	7	4
Tesis	2	-	2	-	1	1	-	-	-	1	-	1	1	2	-

Sumber: Virtua Gemilang Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), UKM

Berdasarkan penelitian dan pencarian yang telah dilakukan melalui sistem Virtua Gemilang UKM kendalian Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), penyelidikan di peringkat Sarjana sepanjang tempoh 15 tahun, jumlah paling tinggi pada tahun 2014 iaitu 7 disertasi. Jumlah penghasilan kedua tertinggi ialah pada tahun 2004 dan 2015 iaitu sebanyak 4 disertasi. Manakala jumlah paling rendah sebanyak 1 disertasi telah dihasilkan pada tahun 2000, 2008, 2009 2010 dan 2013.

Selain itu, dapatan data menunjukkan jumlah penghasilan tesis Doktor Falsafah kajian *takhrij* hadith

paling tinggi pada tahun 2000, 2002 dan 2012 iaitu sebanyak 2 disertasi. Namun begitu, pada tahun 2001, 2003, 2006 hingga 2009, 2011 serta 2015 didapati tiada tesis berkaitan *takhrij* hadith yang dihasilkan. Manakala, pada tahun selainnya, terdapat hanya 1 tesis kajian *takhrij* hadith telah dihasilkan oleh graduan Doktor Falsafah.

### **Kursus *Takhrij* Hadith Peringkat Sarjana di FPI UKM**

Berpandukan buku panduan siswazah Fakulti Pengajian Islam bagi sesi akademik 2016-2017, FPI UKM telah menawarkan kursus *Takhrij* Hadith sebagai kursus prasyarat jabatan kepada pelajar siswazah yang mengikuti pengajian di bawah Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah (JPQS). Keperluan menduduki kursus prasyarat ini akan ditentukan oleh pengurusan siswazah fakulti dan ditawarkan kepada calon Sarjana yang menyambung pengajian di JPQS khususnya kepada mereka yang tidak pernah mengikuti kursus *Takhrij* Hadith sebelum ini di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

### **Disertasi Jenis Kajian *Takhrij* Hadith Sarjana FPI, UKM**

Setiap pelajar yang mendaftar sebagai pelajar pascasiswazah di FPI UKM telah disyaratkan untuk melakukan kajian ilmiah dalam pelbagai skop perbincangan. Penyelidikan yang dilakukan menjadi satu kewajipan untuk dilaksanakan sebelum menamatkan pengajian. Di samping memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka ilmu dengan lebih mendalam, kajian ilmiah yang dilakukan juga dapat memberi nilai dan sumbangan baru kepada perkembangan ilmu Islam.

Dari aspek penyelidikan pelajar Sarjana pula, terdapat banyak kajian berkaitan *takhrij* hadith yang telah dilakukan. Jika diamati pada tajuk kajian, terdapat sebahagian kajian tidak meletakkan frasa ‘*Takhrij* Hadith’ sebagai pembolehubah kajian. Bahkan, menggunakan frasa seperti ‘Kajian Kualiti Hadith’, ‘Analisis Hadith’ dan sebagainya. Namun hasil pembacaan dan analisis menunjukkan kajian tersebut merupakan kajian berkaitan *takhrij* hadith.

Jadual 3: Jenis Kajian Disertasi *Takhrij* Hadith

Jenis Kajian	Bilangan	Peratusan
Amali <i>Takhrij</i>	31	91%
Aplikasi <i>Takhrij</i>	3	9%

Sumber: Data Kajian 2017

Jadual 3 menunjukkan jenis kajian disertasi berkaitan *takhrij* hadith yang dihasilkan graduan Sarjana pada tahun 2000 hingga 2015. Sepanjang tempoh 15 tahun tersebut, kajian jenis amali *takhrij* mencatatkan peratusan tertinggi berbanding kajian jenis aplikasi *takhrij* hadith. Kajian amali *takhrij* hadith sebanyak 31 buah disertasi (91%), manakala kajian aplikasi *takhrij* berjumlah 3 buah disertasi (9%).

Secara umumnya, berdasarkan sorotan Muhammad Suffian (2014) dalam penghuraian dua jenis karya berkaitan *takhrij* yang dihasilkan oleh pelajar FPI UKM iaitu jenis amali *takhrij* dan aplikasi *takhrij*, penulis mendapati karya amali *takhrij* adalah kajian berbentuk kualitatif yang menghuraikan kajian secara deskriptif. Penulis berpendapat kajian amali *takhrij* adalah kajian yang dilakukan terhadap sesebuah kitab melalui isi kandungan kitab sama ada secara keseluruhan atau sebahagian kitab sahaja. Di samping melakukan penambahbaikan terhadap kitab tersebut tanpa menghasilkan keperluan untuk menghasilkan kitab baru. Manakala berbeza dengan jenis karya aplikasi *takhrij* yang berbentuk kuantitatif dengan hasrat untuk menilai sejauh mana amalan *takhrij* hadith diperaktikkan oleh golongan sasaran di dalam penulisan hadith.

### **Bidang Kajian Disertasi Amali *Takhrij* Hadith**

Penulisan ini mengkelaskan keseluruhan dapatan data senarai kajian *takhrij* hadith yang telah dihasilkan oleh para graduan FPI UKM mengikut bidang keilmuan Islam. Ia diteliti melalui pembacaan dan penelitian intipati kandungan kitab yang dikaji. Pengelasan tersebut khusus dilakukan terhadap disertasi amali *takhrij* hadith kerana secara keseluruhannya karya amali *takhrij* hadith melakukan kajian dengan mengupas dan menghuraikan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab-kitab terdahulu atau perbincangan isu-isu agama.

Jadual 4: Bidang Kajian Disertasi Amali *Takhrij* Hadith

Bidang Kajian	Tafsir	Hadith	Fikah	Tasawuf	Akidah
Bilangan	3	14	6	5	3
Peratusan	9%	44%	22%	16%	9%

Sumber: Data Kajian 2017

Jadual 4 adalah jumlah disertasi jenis amali *takhrij* hadith yang dihasilkan oleh graduan Sarjana berdasarkan bidang kajian yang telah dianalisis. Secara perincinya, sebanyak 14 disertasi kajian *takhrij* hadith dalam bidang hadith, 6 disertasi kajian *takhrij* hadith dalam bidang fikah, 5 disertasi kajian *takhrij* hadith dalam bidang tasawuf, 3 disertasi kajian *takhrij* hadith dalam bidang akidah dan tafsir.

Jumlah tertinggi merujuk kepada kajian *takhrij* hadith dalam bidang hadith iaitu sebanyak 14 buah disertasi (44%) iaitu kajian Sulaiman Muhamammd Hasan (2003) *Tahqiq dan Takhiij Kitab Hidayat al-Habib fi al-Targhib wa al-Tarhib oleh Syeikh Nur al-Din al-Raniri*, kajian Zafarul Nizar (2004) *Takhrij dan Penilaian Nas-Nas Berbahasa Arab yang Terdapat Dalam Buku Doa & Rawatan Penyakit (i) yang Digunakan di Darussyyifa*, kajian Hasan Hussin Ali al-Omari (2006) *Hadis-hadis yang Diriwayatkan oleh Saidina Mu'awiyah dalam Kitab al-Tis'ah Pengumpulan dan Takhrij*, kajian Muhamammd Yusuf Sinaga (2008) *Takhrij Hadith Kitab Mu'jam al-Kabir (Tentang Hadith-hadith Fitān)*, kajian Muhammad Masruri (2012) *Takhrij Hadis Dalam Kitab Tanqih al-Qawl Karya Shaykh Nawawi al-Bantani*, kajian Wan Khairul Aiman (2012) *Takhrij dan Ta'liq Hadith di Dalam Kitab 40 Hadith Membudayakan as-Sunnah (4)* terbitan Jabatan Agama Johor dan kajian Ahmad Mujahideen (2012) *Takhrij dan Ta'liq Hadith di Dalam Kitab 40 Hadith Membudayakan as-Sunnah oleh Jabatan Agama Johor (Siri Kedua)*.

Antara kajian *takhrij* hadith dalam bidang hadith yang lain ialah kajian oleh Mohd Fadhil (2013) *Analisis Hadith Fitān dalam Karya Asaari Muhammad*, kajian oleh Wan Azlee Wan Ibrahim (2014) *Kedudukan Hadis Dalam Kitab Empat Puluh Hadis Membudayakan al-Sunnah (Siri Ketiga) Oleh Jabatan Agama Johor*, kajian oleh Muhammad Khairuddin (2014) *Takhrij Hadith Kitab Tanqih al-Qawl Karya Shaykh Nawawi al-Bantani*, kajian oleh Shamsul Mohd Nor (2014) *Takhrij al-Hadith Dalam Kitab Bisharat al-'Amīlin wa Nadharat al-Ghafilin Karya Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani*, kajian oleh Nortaqiyyah Johan (2014) *Kualiti Hadith Dalam Kitab Tanqih al-Qawl Karangan Shaykh Nawawi al-Bantani*, kajian oleh Mohamad Azam Ramlan (2015) *Takhrij dan Ta'liq Hadith Dalam Kitab Bersiri 40 Hadis Membudayakan al-Sunnah (4)* oleh Jabatan Agama Johor dan kajian oleh Zulkarnaen Ahmad (2015) *Kualiti Hadith Dalam Kitab Tanqih al-Qawl oleh Shaykh Nawawi al-Bantani*.

Manakala dalam bidang fikah sebanyak 6 buah disertasi kajian *takhrij* hadith (22%) iaitu kajian oleh Mohd Nizho (2002) bertajuk *Satu Kajian Tentang Asas Beberapa Fadilat Amalan dalam Solat Fardū dan Sunat*, kajian oleh Adawiyah Masut (2003) bertajuk *Pengumpulan dan Kajian Hadith Mengenai Fadilat Ramadan*, kajian Maryam Muhammad (2004) bertajuk *Analisis Hadith-hadith Khutbah Jumaat yang Dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak*, kajian oleh Sabri Muhammad Daud (2004) bertajuk *Tahqiq dan Takhrij Kitab al-Sayd wa al-Dhababah oleh: Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani*, kajian Rosmani (2005) bertajuk *Kajian Hadith Dalam Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Melaka* serta kajian oleh Amran Nasution (2006) bertajuk *Takhrij Hadith Kitab Sharh 'Uqud al-Lujayn fi Bayan Huquq al-Zaujayn oleh Imam Nawawi Banten*.

Seterusnya, kajian *takhrij* hadith dalam bidang tasawuf pula sebanyak 5 buah disertasi (16%) iaitu kajian bertajuk *Kajian Hadith Kitab Nasa'iħ al-‘Ibad* oleh Urwatul Wusqa (2004), kajian bertajuk *Tahkik dan Takhrij Kitab Tanbih al-Ghafilin* oleh Sheikh Abdulllah bin Abd al-Mubin oleh Halim Shah (2005), kajian bertajuk *Kajian Hadith Dalam Kitab Ta'lim al-Muta'allim* oleh Shaykh al-Zarnuji yang dihasilkan oleh Arwansyah Kirin (2010), Kajian bertajuk *Takhrij Hadith Dalam Kitab Nasa'iħ al-‘Ibad Karya Shaykh Nawawi al-Bantani* oleh Endang Mukhlis Hidayat (2014) serta kajian bertajuk *Takhrij Hadith dalam Kitab al-Tadhkirah bi Ahwal al-Mawta wa Umur Akhirah Karangan al-Imam al-Qurtubi* yang dihasilkan oleh graduan Wan Muhammad Mior Ismail (2015).

Selain itu, kajian *takhrij* hadith juga didapati meliputi kajian dalam bidang tafsir dan akidah dengan mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 3 buah disertasi (9%). Hasil kajian *takhrij* hadith dalam bidang tafsir ialah kajian Abbes Brahmi (2009) berjudul *Takhrij Hadith-hadith Dalam Tafsir Ibn 'Atiyyah Daripada Permulaan Kitab Sehingga Akhir Juzuk Yang Pertama Daripada Surah al-Baqarah*, kajian

dilakukan Mabruri Mohamad Sai (2011) bertajuk *Takhrij dan Ta<sup>c</sup>liq Hadith Dalam Kitab Tafsir al-Misbah Karya Muhammad Quraish Shihab: Juzuk Amma* serta kajian oleh Ahmad Naim Abdul Aziz (2011) bertajuk *Metodologi Penulisan Hadith dan Analisis Takhrij Dalam Tafsir al-Misbah: Kajian Surah an-Nisa'*.

Akhir sekali, kajian *takhrij* hadith dalam bidang akidah ialah kajian bertajuk *Takhrij Hadith dan Ulasan Manuskrip Fara 'id Fawa 'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi Terjemahan Oleh Sheikh Dawud al-Fatani* dihasilkan oleh Ismail Hat (2002), kajian bertajuk *Tahqiq dan Penulisan Semula Kitab Kifayah al-Muhtaj fi al-Isra' wa al-Mi<sup>c</sup>raj Karangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani* oleh Abdul Razak Samsudin (2002) serta kajian bertajuk *Status dan Kualiti Hadith dalam Kitab Perisai Bagi Sekalian Mukallaf* oleh Musa Mohamad (2014).

### **Bidang Kajian Disertasi Aplikasi *Takhrij* Hadith**

Jadual 5: Bidang Kajian Disertasi Aplikasi *Takhrij* Hadith

Bidang Kajian	Bilangan	Peratusan
Kajian Terhadap Ilmuwan	1	33%
Kajian Terhadap Pelajar	2	67%

Sumber: Muhammed Suffian 2014

Sepanjang tempoh 15 tahun, penulisan disertasi Sarjana mengenai kajian aplikasi *takhrij* mempunyai 3 disertasi sahaja berbanding kajian amali *takhrij* hadith. Dapatkan data ini menunjukkan perbezaan jumlah yang besar di antara kedua jenis kajian *takhrij* hadith yang telah dihasilkan. Kajian aplikasi *takhrij* hadith dibahagi kepada dua bahagian berdasarkan pembacaan yang telah dilakukan iaitu kajian yang dilakukan terhadap golongan ilmuwan sebanyak 1 disertasi (33%) serta kajian terhadap pelajar pula sebanyak 2 disertasi (67%). Kajian Mohd al-Ikhsan (2000) bertajuk *Ilmu Takhrij: Satu Kajian Pelaksanaannya di Malaysia Aplikasi di Malaysia*. Beliau telah melakukan kajian terhadap sejauh mana pelaksanaan *takhrij* hadith dilakukan oleh para ilmuwan Islam dari sudut penulisan dan penyampaian.

Manakala karya jenis aplikasi *takhrij* hadith kajian terhadap pelajar ialah kajian oleh Muhammad Suffian (2014) bertajuk *Aplikasi Takhrij Dalam Latihan Ilmiah Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Tahun 2010*. Kajian dilakukan dengan tujuan menepati objektif kajian untuk mengetahui jumlah hadis yang telah ditakhrij dengan lengkap berdasarkan jabatan-jabatan pengajian di FPI UKM di samping mengkaji perbezaan antara pelajar jabatan dalam menyatakan aspek-aspek *takhrij* hadith. Kajian jenis aplikasi *takhrij* hadith yang kedua pula adalah kajian oleh Muhammad Kamil Hilmi (2015) bertajuk *Aplikasi Takhrij Hadith Dalam Latihan Ilmiah Pelajar Diploma Usuluddin Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) 2003 Hingga 2007*. Kajian Muhammad Kamil Hilmi dilakukan untuk melihat gaya penulisan *takhrij* hadith di dalam latihan ilmiah yang telah dihasilkan oleh pelajar Diploma Usuluddin KIAS. Setiap latihan ilmiah telah dianalisis untuk mengkaji ketepatan pelajar dalam melakukan *takhrij* hadith secara lengkap atau tidak berdasarkan elemen-elemen penting dalam mentakhrij hadith.

### **Fokus Kajian Disertasi Sarjana Kajian *Takhrij* Hadith**

Dari aspek fokus kajian disertasi Sarjana kajian *takhrij* hadith telah menemukan beberapa kategori fokus kajian. Hasil pembacaan dan penelitian terhadap disertasi yang melakukan kajian berkenaan *takhrij* hadith, terdapat lapan fokus kajian yang diperolehi. Iaitu kajian terhadap karya atau manuskrip ulama Nusantara, kajian kategori termatik atau penumpuan terhadap sesuatu tema atau isu-isu agama, kajian terhadap karya yang dikeluarkan oleh institusi agama, kajian terhadap kitab tafsir, kajian terhadap kredibiliti tokoh tertentu, kajian terhadap karya ulama terdahulu, kajian terhadap para ilmuwan Islam serta kajian terhadap pelajar.

Daripada 34 disertasi Sarjana Fakulti Pengajian Islam, 14 disertasi melakukan kajian terhadap karya atau manuskrip ulama Nusantara. Kesemua kajian ini telah melakukan kajian *takhrij* hadith terhadap hadith-hadith yang terkandung di dalam karya atau manuskrip tersebut. Fokus kajian ini dapat dilihat menerusi kajian oleh Ismail Hat (2002) terhadap Manuskrip *Fara 'id Fawa 'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi* terjemahan Sheikh Dawud al-Fatani, kajian oleh Abdul Razak Samsudin (2002) memilih Kitab *Kifayah al-Muhtaj fi al-Isra' wa al-Mi<sup>c</sup>raj* karangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani, kajian dilakukan Sulaiman Muhammad

Hasan (2003) melalui Kitab *Hidayat al-Habib fi al-Targhib wa al-Tarhib* karya Syeikh Nur al-Din al-Raniri serta kajian yang dihasilkan oleh Urwatal Wusqa (2004) dan Endang Mukhlis Hidayat (2014) yang menggunakan Kitab *Nasa'ih al-'Ibad* karangan Shaykh Nawawi al-Bantani dalam kajian mereka. Seterusnya, kajian oleh Sabri Muhammad Daud (2014) terhadap Kitab *al-Sayd wa al-Dhabah* karangan Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani serta kajian yang dilakukan oleh Halim Shah (2005) melalui Kitab *Tanbih al-Ghafilin* yang dikarang oleh Sheikh Abdullah bin Abd al-Mubin.

Selain itu juga, baki 7 disertasi yang membincangkan fokus kajian mengenai karya atau manuskrip ulama Nusantara ialah kajian Amran Nasution (2006) yang menggunakan Kitab *Sharh 'Uqud al-Lujayn fi Bayan Huquq al-Zaujayn* karangan Imam Nawawi Banten, kajian oleh Arwansyah Kirin (2010) melalui Kitab *Ta'lim al-Muta'allim* karangan Shaykh al-Zarnuji, kajian Kitab *Tanqih al-Qawl* karya Shaykh Nawawi al-Bantani oleh Muhammad Masruri (2012), Muhammad Khairuddin dan Nortaqiyah (2014) serta Zulkarnaen Ahmad (2015). Seterusnya adalah kajian *takhrij* hadith dalam Kitab *Bisharat al-'Amilin wa Nadharat al-Ghafilin* karya Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani oleh Shamsul Mohd Nor (2014) dan kajian terhadap Kitab Perisai Bagi Sekalian Mukallaf oleh Musa (2004) Mohamad karya Sheikh Abdul Qadir al-Mandili.

Dalam pada itu, terdapat 6 disertasi memfokuskan kajian *takhrij* hadith terhadap tema-tema tertentu atau isu-isu agama. Fokus kajian ini dapat dilihat pada kajian yang dilakukan oleh Mohd Nizho (2002), Adawiyah Masut (2003), Maryam Muhammad (2004), Rosmani (2005), Muhammad Yusuf Sinaga (2008) dan Mohd Fadhil (2013). Kajian bertajuk *Suatu Kajian Tentang Asas Beberapa Fadilat Amalan dalam Solat Fardhu dan Sunat* dihasilkan oleh Mohd Nizho (2002) mengumpulkan hadith-hadith berkaitan fadilat amalan dalam solat fardhu dan sunat dan dianalisis untuk mendapatkan hasil kajian. Kajian Adawiyah Masut (2003) bertajuk *Pengumpulan dan Kajian Hadith Mengenai Fadilat Ramadan*. Kajian ini berobjektif untuk mengumpulkan hadith-hadith yang berkaitan. Kemudian, hadith-hadith tersebut dikupas secara mendalam untuk mendapatkan fadilat ramadan yang terkandung di dalam hadith Nabi s.a.w.

Selain itu, kajian Maryam Muhammad (2004) dan Rosmani (2005) telah melakukan analisis hadith yang terkandung di dalam teks Khutbah Jumaat bagi negeri-negeri tertentu. Kajian Maryam Muhammad (2004) berjudul *Analisis Hadith-hadith Khutbah Jumaat yang Dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak*. Manakala kajian Rosmani (2005) pula berjudul *Kajian Hadith Dalam Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Melaka*. Secara ringkasnya, kajian mereka adalah mentakhrij hadith-hadith yang terdapat di dalam teks khutbah jumaat serta menentukan hukum-hukum hadith tersebut berdasarkan penilaian yang telah dilakukan oleh ulama Hadith.

Kajian yang dihasilkan oleh Muhammad Yusuf Sinaga (2008) dan Mohd Fadhil (2013) telah mengkaji tema yang sama iaitu kajian terhadap hadith-hadith *al-Fitan*. Namun begitu, kajian Muhammad Yusuf (2008) telah mengkaji hadith-hadith *al-Fitan* dengan mentakhrij hadith dari Kitab *Mu'jam al-Kabir* dengan tajuk kajian *Takhrij Hadith Kitab Mu'jam al-Kabir (Tentang Hadith-hadith Fitān)*. Manakala kajian Mohd Fadhil (2013) menggunakan karya Asaari Muhammad untuk menganalisis hadith-hadith *al-Fitan* yang terkandung di dalam kitab tersebut. Kajian ini bertajuk *Analisis Hadith Fitān dalam Karya Asaari Muhammad*.

Di samping itu, penelitian juga mendapati terdapat sebahagian kajian disertasi sarjana yang mengupas kajian *takhrij* mereka terhadap karya yang dikeluarkan oleh institusi agama. Fokus kajian ini dapat dilihat melalui 5 disertasi sarjana iaitu kajian Zafarul Nizar (2004) menggunakan Buku Doa & Rawatan Penyakit (i) yang digunakan di Darussyifa' untuk ditakhrij hadith-hadith yang terkandung di dalam buku tersebut. Tambahan lagi, kajian oleh graduan sarjana Wan Khairul Aiman dan Ahmad Mujahideen (2012), Wan Azlee (2014) serta Mohamad Azam (2015) telah melakukan kajian *takhrij* hadith terhadap Kitab 40 Hadith Membudayakan as-Sunnah Terbitan Jabatan Agama Johor. Keempat-empat kajian ini mengkaji kitab yang sama namun begitu, hadith yang dikaji adalah daripada bab-bab yang berbeza.

Tambahan lagi, 3 disertasi memfokuskan kajian *takhrij* terhadap kitab tafsir iaitu kajian oleh Abbes Brahmi (2009), Mabruri (2001) dan Ahmad Naim (2011). Walau bagaimanapun, fokus kajian *takhrij* hadith terhadap kitab tafsir ini terhad kepada perbincangan surah-surah tertentu sahaja. Seperti mana kajian Abbes Brahmi (2009) yang bertajuk *Takhrij Hadith-hadith Dalam Tafsir Ibn 'Atiyyah Daripada Permulaan Kitab Sehingga Akhir Juzuk Yang Pertama Daripada Surah al-Baqarah*. Kajian ini memberi tumpuan terhadap hadith-hadith pada permulaan kitab sehingga akhir juzuk yang pertama daripada Surah al-Baqarah sahaja. Dalam pada itu, kajian *takhrij* hadith dalam kitab *Tafsir al-Mishbah* oleh Mabruri (2001) fokus kajian terhadap Juzuk Amma dengan tajuk disertasinya *Takhrij dan Ta'liq Hadith Dalam Kitab Tafsir al-Misbah*

*Karya Muhammad Quraish Shihab: Juzuk Amma.* Manakala kajian Ahmad Naim (2011) berjudul *Metodologi Penulisan Hadith dan Analisis Takhrij Dalam Tafsir al-Misbah: Kajian Surah an-Nisa'*. Ahmad Naim (2011) melakukan kajian terhadap cara penulisan hadith di samping mentakhrij hadith-hadith yang terkandung dalam kitab tafsir tersebut khusus terhadap Surah an-Nisa'.

Tidak ketinggalan juga, disertasi yang dikupas oleh Hasan Hussin Ali (2006) berjudul *Hadis-Hadis yang Diriwayatkan oleh Saidina Mu‘awiyah dalam Kitab al-Tis‘ah Pengumpulan dan Takhrij*. Kajian Hasan Hussin Ali (2006) memfokuskan kajian *takhrij* hadith dari aspek kredibiliti tokoh hadith iaitu kajian terhadap hadis-hadis riwayat *Saidina Mu‘awiyah* dalam *Kutub al-Tis‘ah*. Selain itu, terdapat 1 disertasi memfokuskan kajian *takhrij* hadith terhadap karya ulama terdahulu melalui kajian Wan Muhammad (2015) kajian *Takhrij Hadith Dalam Kitab al-Tadhkirah bi Ahwal al-Mawta wa Umur al-Akhira Karangan al-Imam al-Qurtubi*.

Dalam pada itu, kajian Muhammed Suffian (2014) dan Muhammad Kamil Hilmi (2015) memfokuskan kajian *takhrij* hadith terhadap pelajar. Hal ini didapati melalui pembacaan yang mendapati kedua-dua kajian ini telah mengkaji metodologi pengaplikasian *takhrij* hadith dalam penulisan latihan ilmiah yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar di institusi pendidikan terpilih. Manakala kajian Mohd al-Ikhsan (2000) pula memfokuskan kajian terhadap para ilmuan semasa. Secara umumnya kajian Mohd al-Ikhsan (2000) ini mengkaji perlaksanaan para ilmuan Islam yang terpilih terhadap ilmu *takhrij* hadith sama ada dari sudut pengucapan atau penulisan.

### **Kursus *Takhrij* Hadith Peringkat Doktor Falsafah di FPI UKM**

Berdasarkan Buku Panduan Siswazah FPI UKM bagi sesi Akademik 2016/2017, fakulti tidak menawarkan sebarang pengajian secara formal iaitu sesi pengkuliahan terhadap calon Doktor Falsafah dalam mana-mana kursus kecuali kursus Kaedah Penyelidikan. Namun begitu, di dalam sesi pengkuliahan kursus Kaedah Penyelidikan pelajar dide dahukan serba sedikit tentang kaedah mentakhrij hadith serta etika penulisan *takhrij* terhadap hadith-hadith yang diletakkan di dalam kajian mereka. Meskipun pengajian *takhrij* hadith tidak ditawarkan secara formal dalam sesi pengkuliahan secara langsung, namun terdapat calon Doktor Falsafah yang memilih untuk melakukan kajian berkaitan *takhrij* hadith.

### **Jenis Kajian Tesis *Takhrij* Hadith Doktor Falsafah di FPI, UKM**

Keseluruhan tesis *takhrij* hadith Doktor Falsafah adalah jenis kajian amali *takhrij* hadith. Tiada kajian jenis aplikasi *takhrij* hadith yang ditemui melalui penelitian yang dilakukan terhadap 11 buah tesis *takhrij* hadith Doktor Falsafah. Kajian amali *takhrij* adalah kajian yang bertumpu kepada penelitian yang telah dilakukan terhadap usaha para ulama terdahulu melakukan pentakhrijan dalam karya penulisan mereka sehingga menghasilkan kitab *takhrij* baharu yang lebih bersistematis. Ini berdasarkan sorotan yang telah dilakukan oleh Muhammad Suffian (2014) di dalam tesis beliau.

### **Bidang Kajian Tesis Amali *Takhrij* Hadith**

Sebagaimana yang dinyatakan di penghuraian bidang kajian disertasi amali *takhrij* hadith, pengelasan bidang kajian juga dilakukan terhadap tesis Doktor Falsafah kajian berkaitan *takhrij* hadith. Bidang kajian tesis amali *takhrij* hadith yang telah dihasilkan oleh para graduan terdiri daripada kajian *takhrij* hadith dalam bidang tafsir, hadith serta tasawuf.

Jadual 6: Bidang Kajian Tesis Amali *Takhrij* Hadith

Bidang Kajian	Tafsir	Hadith	Tasawuf
Bilangan	3	3	5
Peratus	27%	27%	46%

Sumber: Data Kajian 2017

Melalui pembacaan dan analisis menunjukkan semua 11 tesis graduan Doktor Falsafah merupakan jenis kajian *takhrij* hadith dengan perincian 3 tesis (27%) bersumberkan kitab bidang tafsir. Manakala, 5 tesis (46%) dikupas bersumberkan kitab dalam bidang tasawuf. Selebihnya berjumlah 3 tesis (27%) kajian menjadikan kitab bidang hadith sebagai bahan utama untuk ditakhrij hadith-hadithnya.

Secara terperinci, sebanyak 3 tesis Doktor Falsafah berkaitan *takhrij* hadith telah dilakukan dalam bidang tafsir iaitu kajian oleh Ramadan Hussin al-Shawish (2000) bertajuk *Takhrij wa Dirasat al-Ahadith al-Waridah fi Tafsir Surah al-Baqarah min Tafsir al-Qurtubi*, kajian oleh Zulfahmi Alwi (2005) bertajuk *Kajian Hadis Dalam Tafsir al-Maraghi (Tumpuan Pada Surah al-Fatiyah Sehingga Surah al-Ma''idah)* serta kajian oleh Abbes Brahmi (2014) bertajuk *Takhrij dan Perbahasan Hadith Dalam Surah Ali 'Imran Dalam Kitab Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir Karangan al-Shaykh Ibn 'Ashur*.

Kajian *takhrij* hadith dalam bidang hadith pula dapat dilihat pada kajian yang dilakukan oleh Sajedah H.A. Samarah (2002) berjudul *Hadith-Hadith Mursal Imam al-Baihaqi Dalam Kitab al-Sunan al-Kubra: Pengumpulan dan Pengkajian serta Takhrij Terhadap Hadith-hadith yang Berkaitan dengan Ibadat*, kajian oleh Aguswan Rashid (2013) berjudul *Analisis Hadith-hadith Kitab al-Fa'iq fi Gharib al-Hadith dan Metodologi Zamakhsyari Dalam Mensyarahkannya* serta kajian oleh Mohammad Fattah (2014) berjudul *Hadith Isyarat Dalam Kitab Sunan al-Tirmidhi: Takhrij Hadis "Wa fi al-Bab" Dalam bab Perkahwinan dan Jual beli*.

Manakala kajian tesis berkaitan *takhrij* hadith dalam bidang tasawuf adalah kajian yang dihasilkan oleh Ahmad Lutfi (2000) bertajuk *Kajian Hadis Kitab Durrat al-Nasihin*, kajian Muhammad Thahir (2002) bertajuk *Kitab Irshad al-'Ibad ila Sabil al-Rashad: Satu Kajian Penilaian Hadis Dari Awal Kitab Hingga Akhir Fasal Fada'il Ba'd al-Suwar wa al-Ayat*, kajian Hilaluddin Abdullah (2004) bertajuk *Kajian Hadis Kitab al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub Karangan Sheikh 'Ali ibn 'Abd al-Rahman al-Kelantani*, kajian Akhmad Sagir (2010) bertajuk *Kajian Hadith Dalam Kitab Hidayat al-Salikin oleh Sheikh Abdus Samad al-Palembani Dengan Nukilan Tambahan Daripada Shamsuddin Siddiq* serta kajian Amran Ibrahim Nasution (2012) bertajuk *Hadith-hadith Dalam Kitab Ta'lim al-Muta'allim oleh Shaykh al-Zarnuji*.

### Fokus Kajian Tesis *Takhrij* Hadith

Dalam tempoh 15 tahun bermula tahun 2000 hingga 2015, graduan Doktor Falsafah telah menghasilkan kajian berkaitan *takhrij* hadith meliputi pelbagai genre fokus perbincangan. Daripada 11 tesis Doktor Falsafah, 3 tesis telah melakukan kajian terhadap perbahasan hadith-hadith dalam kitab tafsir. Secara terperincinya, kajian oleh Ramadan Hussin (2000) kajian terhadap Surah al-Baqarah di dalam kitab *Tafsir al-Qurtubi*, Zulfahmi Alwi (2005) yang melakukan kajian *takhrij* dengan memberi tumpuan terhadap Surah al-Fatiyah sehingga Surah al-Ma'ihadah dalam kitab *Tafsir al-Maraghi* serta kajian yang dilakukan oleh Brahmi Abbes (2014) terhadap penumpuan hadith-hadith dalam Surah Ali 'Imran melalui kitab *al-Tahrir wa al-Tanwir* karangan *Ibn 'Ashur*.

Di samping itu, analisis 5 tesis Doktor Falsafah juga menemukan fokus kajian *takhrij* hadith terhadap karya ulama Nusantara iaitu khususnya daripada Malaysia dan Indonesia. Karya ulama Nusantara ini juga adalah antara kitab-kitab yang digunakan di dalam pengajian institusi pondok atau majlis taklim. Ini dapat dilihat pada tesis oleh Ahmad Lutfi (2000) yang mengkaji kitab *Durrat al-Nasihin* karangan Uthman bin Hasan al-Khubawi, Muhammad Thahir (2002) dan Amran Ibrahim Nasution (2012) yang mengkaji kitab *Irshad al-'Ibad ila Sabil al-Rashad* karya Zayn al-Din bin 'Abd al-'Aziz bin Zayn al-Din al-Malebari, Hilaluddin (2014) yang mengkaji kitab *al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub* karangan Syaikh Ali Ibn 'Abd al-Rahman al-Kelantani dan Akhmad Saghir (2010) yang mengkaji kitab *Hidayat al-Salikin* karya Sheikh Abdus Samad al-Palembari.

Selain daripada fokus kajian yang dinyatakan di atas, terdapat juga kajian *takhrij* hadith kategori tematik atau penumpuan terhadap sesuatu tema dan isu-isu tertentu dalam penghasilan tesis. Terdapat 3 tesis Doktor Falsafah yang memfokuskan kajian kategori ini seperti hadith-hadith ibadat oleh Sajedah H.A. Samarah (2010) dalam tesis beliau yang bertajuk *Hadith-hadith Mursal Imam al-Baihaqi Dalam Kitab al-Sunan al-Kubra: Pengumpulan Serta Takhrij Terhadap Hadith-hadith yang Berkaitan Dengan Ibadat*. Terdapat kajian *takhrij* hadith kategori tematik yang memberi penumpuan terhadap kajian hadith iaitu kajian Aguswan Rashid (2013) dengan mengemukakan bentuk-bentuk *gharib al-hadith* di dalam kitab *al-Fa'iq fi Gharib al-Hadith* serta menghuraikan perihal *gharib al-hadith* di samping mengkaji metode perbahasan pengarang kitab. Seterusnya, graduan Mohammad Fattah (2014) memfokuskan kajian terhadap hadith isyarat dalam kitab *Sunan al-Tirmidhi* khusus bab perkahwinan dan jual beli.

#### 4. Kesimpulan

Kajian tinjauan yang dilakukan terhadap kajian *takhrij* hadith pascasiswa FPI UKM telah menunjukkan bahawa ilmu *takhrij* hadith menjadi pilihan kepada para graduan untuk melakukan kajian. Kepelbagaiannya skop kajian yang dilakukan menunjukkan keluasan ilmu dan kreativiti penyelidik dalam menyumbangkan dapatan baru terhadap perkembangan ilmu *takhrij* hadith serta menjadi salah satu usaha untuk memurnikan hadith Nabi s.a.w. Penulisan mendapati kajian amali *takhrij* hadith relevan untuk diteruskan dengan menilai kesahihan sesebuah hadith berdasarkan elemen-elemen *takhrij* yang telah ditetapkan. Khususnya kitab yang menjadi rujukan dalam institusi pendidikan atau kitab bahan bacaan masyarakat. Ini adalah sebagai salah satu usaha supaya status sesebuah hadith diketahui dan masyarakat tidak berpegang kepada hadith yang tidak jelas statusnya. Manakala kajian aplikasi dilakukan dengan objektif mengkaji kefahaman konsep *takhrij* keseluruhananya serta menguji pengaplikasiannya dalam pelbagai genre penulisan terkini. Relevensinya, kajian *takhrij* hadith pada masa kini perlu giat dikaji dari pelbagai aspek kajian kerana kepentingan yang utama adalah untuk mengenalpasti kesahihan sesebuah hadith. Malah, penyelidikan *takhrij* hadith yang dilakukan adalah salah satu usaha terhadap penjagaan dan pemuliharaan hadith-hadith Nabi s.a.w.

#### Rujukan

- \_\_\_\_\_. 2016. *Panduan Siswazah Fakulti Pengajian Islam Sesi Akademik 2016-2017*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Abbes Brahma. 2009. *Takhrij Hadith-hadith Dalam Tafsir Ibn ‘Atiyyah Daripada Permulaan Kitab Sehingga Akhir Juzuk Yang Pertama Daripada Surah al-Baqarah*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abbes Brahma. 2014. *Takhrij dan Perbahasan Hadith Dalam Surah Ali ‘Imran Dalam Kitab Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir Karangan al-Shaykh Ibn ‘Ashur*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Razak Samsudin. 2002. *Tahqiq dan Penulisan Semula Kitab Kifayah al-Muhtaj fi al-Isra’ wa al-Mi‘raj Karangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adawiyah Masut. 2003. *Pengumpulan dan Kajian Hadith Mengenai Fadilat Ramadan*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aguswan Rashid. 2013. *Analisis Hadith-hadith Kitab al-Fa‘iq fi Gharib al-Hadith dan Metodologi Zamakhshari Dalam Mensyarakannya*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Lutfi. 2000. *Kajian Hadis Kitab Durrat al-Nasihin*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mujahideen. 2012. *Takhrij dan Ta‘liq Hadith di Dalam Kitab 40 Hadith Membudayakan as-Sunnah oleh Jabatan Agama Johor (Siri Kedua)*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Naim Abdul Aziz. 2011. *Metodologi Penulisan Hadith dan Analisis Takhrij Dalam Tafsir al-Misbah: Kajian Surah an-Nisa’*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akhmad Sagir. 2010. *Kajian Hadith Dalam Kitab Hidayat al-Salikin oleh Sheikh Abdus Samad al-Palembani Dengan Nukilan Tambahan Daripada Shamsuddin Siddiq*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Omari, Hasan Hussain Ali. 2006. *Hadis-hadis yang Diriwayatkan oleh Saidina Mu‘awiyah dalam Kitab al-Tis‘ah Pengumpulan danTakhrīj*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Shawish, Ramadan Hussin. 2000. *Takhrij wa Dirasat al-Ahadith al-Waridah fi Tafsir Surah al-Baqarah min Tafsir al-Qurtubi*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amran Ibrahim Nasution. 2012. *Hadith-hadith Dalam Kitab Irshad al-‘Ibad ila Sabil al-Rashad Karya al-Malibari: Kajian Terhadap Kualiti Hadith*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Amran Nasution. 2006. *Takhrij Hadith Kitab Sharh ‘Uqud al-Lujayn fi Bayan Huquq al-Zaujayn oleh Imam Nawawi Banten*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arwansyah Kirin. 2010. *Kajian Hadith Dalam Kitab Ta‘lim al-Muta‘allim oleh Shaykh al-Zarnuji*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Endang Mukhlis Hidayat. 2014. *Takhrij Hadith Dalam Kitab Nasa‘ih al-‘Ibad Karya Shaykh Nawawi al-Bantani*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halim Shah. 2005. *Tahkik dan Takhrij Kitab Tanbih al-Ghafilin oleh Sheikh Abdullah bin Abd al-Mubin*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hilaluddin Abdullah. 2004. *Kajian Hadis Kitab al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub Karangan Syaikh Ali ibn Abd al-Rahman al-Kelantani*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hat. 2002. *Takhrij Hadith dan Ulasan Manuskrip Fara‘id Fawa‘id al-Fikr fi al-Imam al-Mahda Terjemahan Oleh Sheikh Dawud al-Fatani*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mabruri Mohammad Sai. 2011. *Takhrij dan Ta‘liq Hadith Dalam Kitab Tafsir al-Misbah Karya Muhammad Quraish Shihab: Juzuk Amma*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maryam Muhammad. 2004. *Analisis Hadith-hadith Khutbah Jumaat yang Dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Azam Ramlan. 2015. *Takhrij dan Ta‘liq Hadith Dalam Kitab Bersiri 40 Hadis Membudayakan al-Sunnah (4) oleh Jabatan Agama Johor*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Fattah. 2014. *Hadith Isyarat Dalam Kitab Sunan al-Tirmidhi:Takhrij Hadis “Wa Fi al-Bab” Dalam Bab Perkahwinan dan Jual Beli*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Al’Ikhsan Ghazali. 2000. *Ilm Takhrij: Satu Kajian Pelaksanaannya di Malaysia*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fadhil. 2013. *Analisis Hadith Fitān dalam Karya Asaari Muhammad*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nizho. 2002. *Satu Kajian Tentang Asas Beberapa Fadilat Amalan dalam Solat Fardu dan Sunat*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Kamil Hilmi. 2015. *Aplikasi Takhrij Hadith Dalam Latihan Ilmiah Pelajar Diploma Usuluddin Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) 2003 Hingga 2007*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Khairuddin. 2014. *Takhrij Hadith Kitab Tanqih al-Qawl Karya Shaykh Nawawi al-Bantani*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Masruri. 2012. *Takhrij Hadis Dalam Kitab Tanqih al-Qawl Karya Shaykh Nawawi al-Bantani*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Thahir Bandu. 2002. *Kitab Irshad al-‘Ibad ila Sabil al-Rashad: Satu Kajian Penilaian Hadis Dari Awal Kitab Hingga Akhir Fasal Fada‘il Ba‘d al-Suwar wa al-Ayat*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Yusuf Sinaga. 2008. *Takhrij Hadith Kitab Mu‘jam al-Kabir (Tentang Hadith-hadith Fitān)*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammed Suffian Abd Aziz. 2014. *Aplikasi Takhrij dalam Latihan Ilmiah Prasiswa Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Pada Tahun 2010*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Musa Mohamad. 2014. *Status dan Kualiti Hadith dalam Kitab Perisai Bagi Sekalian Mukallaf*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nortaqiyyah Johan. 2014. *Kualiti Hadith Dalam Kitab Tanqih al-Qawl Karangan Shaykh Nawawi al-*

- Bantani. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosmani. 2005. *Kajian Hadith Dalam Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Melaka*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabri Muhammad Daud. 2004. *Tahqiq dan Takhrij Kitab al-Sayd wa al-Dhabaih oleh: Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sajedah H.A. Samarah. 2002. *Hadith-hadith Mursal Imam al-Baihaqi Dalam Kitab al-Sunan al-Kubra: Pengumpulan dan Pengkajian Serta Takhrij Terhadap Hadith-hadith yang Berkaitan Dengan Ibadat*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Mohd Nor. 2014. *Takhrij al-Hadith Dalam Kitab Bisharat al-'Amilin wa Nadharat al-Ghafilin Karya Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Muhammad Hasan. 2003. *Tahqiq dan Takhrij Kitab Hidayat al-Habib fi al-Targhib wa al-Tarhib oleh Syeikh Nur al-Din al-Raniri*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Urwatul Wusqa. 2004. *Kajian Hadith Kitab Nasa'ih al-'Ibad*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Azlee Wan Ibrahim. 2014. *Kedudukan Hadis Dalam Kitab Empat Puluh Hadis Membudayakan al-Sunnah (Siri Ketiga) oleh Jabatan Agama Johor*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Khairul Aiman. 2012. *Takhrij dan Ta'liq Hadith di Dalam Kitab 40 Hadith Membudayakan as-Sunnah (4) Terbitan Jabatan Agama Johor*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Muhammad Mior Ismail. 2015. *Takhrij Hadith Dalam Kitab al-Tadhkirah bi Ahwal al-Mawta wa Umur Akhirah Karangan al-Imam al-Qurtubi*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zafarul Nizar. 2004. *Takhrij dan Penilaian Nas-nas Berbahasa Arab yang Terdapat Dalam Buku Doa & Rawatan Penyakit (i) yang Digunakan di Darussyifa'*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulfahmi Alwi. 2005. *Kajian Hadis Dalam Tafsir al-Maraghi (Tumpuan Pada Surah al-Fatiha Sehingga Surah al-Ma'idah)*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkarnaen Ahmad. 2015. *Kualiti Hadith Dalam Kitab Tanqih al-Qawl oleh Shaykh Nawawi al-Bantani*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.